

Program Pengantarabangsaan Kolej Melati, UiTM: Satu Tinjauan Awal

Nurulhuda Adabiah Mustafa, Mohamed Faeiz Alwee, Raja Mohamad Fikri Raja Azman, Eliza
Natasha Abdul Latiff, Nuraisyah Chua Abdullah, Suharmi Ismail
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ABSTRAK

Program pengantarabangsaan yang dikemudi oleh barisan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPK), Kolej Melati UiTM adalah merupakan program tahunan yang dikategorikan sebagai program berimpak tinggi melibatkan pelajar di kolej kediaman, UiTM. Program yang telah dijalankan di Osaka, Kyoto, Kobe dan Nara, Jepun pada 28 Mei hingga 1 Jun 2018 yang lalu adalah contoh yang dijadikan rujukan di dalam kertas kerja ini dalam membincangkan kaitan program pengantarabangsaan dengan konsep impak tinggi melibatkan pelajar kolej kediaman. Selain memberi penekanan kepada aspek cara hidup Islam, program ini juga menekankan aspek budaya masyarakat Jepun, berbeza dengan program sebelum ini yang menekankan satu aspek sahaja iaitu cara hidup Muslim di Korea. Kertas kerja ini bertujuan menganalisa keberkesanan program berimpak tinggi melibatkan program pengantarabangsaan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Melati selain membincangkan langkah-langkah penambahbaikan dengan merujuk kepada sumber kajian akademik berkaitan pembangunan pelajar. Kajian ini berbentuk kajian penerangan secara deskriptif yang berbentuk tinjauan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temubual dan juga kajian kepustakawanan. Kajian ini mendapati bahawa program pengantarabangsaan akan lebih sempurna seandainya lawatan ke universiti dapat dilaksanakan dengan penglibatan ahli akademik dan pelajar di kedua-dua belah pihak.

Kata kunci : pengantarabangsaan, impak tinggi, kolej kediaman, tanggungjawab bersama

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini adalah tinjauan awal kepada beberapa program pengantarabangsaan yang telah dilaksanakan di salah sebuah kolej kediaman di UiTM iaitu Kolej Melati. Penulis-penulis berpandangan bahawa program pengantarabangsaan ini merupakan salah satu daripada program yang berimpak tinggi kerana ia menepati konsep *National Blue Ocean Strategy* (Strategi Lautan Biru Kebangsaan) atau lebih dikenali sebagai NBOS. Impak tinggi merupakan salah satu elemen dalam NBOS yang mana ia merupakan inisiatif yang telah digunakan oleh kerajaan dalam memastikan bahawa segala bentuk pelaksanaan samada dalam aspek ekonomi, sosial dan pendidikan dapat dilaksanakan dengan inisiatif-inisiatif Strategi Lautan Biru yang kreatif dan bersifat transformatif kepada negara.¹

¹ Kim, W. C., & Mauborgne, R. (2004). *Blue ocean strategy. If you read nothing else on strategy, read these best-selling articles.*, 71. Lihat juga Kim, W. C., & Mauborgne, R. A. (2014). *Blue ocean strategy, expanded edition: How to create uncontested market space and make the competition irrelevant*. Harvard Business Review Press.

Pada setiap tahun, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) Melati dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM tidak melepaskan peluang dan ruang yang ada bagi mengadakan program pengantarabangsaan. Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar kolej kediaman untuk mendapat pengalaman baru berada di negara luar tetapi juga mengasah bakat-bakat pelajar dalam merancang dan menguruskan sebuah program berimpak tinggi melibatkan pelbagai pihak. Apa yang penting, program pengantarabangsaan ini secara langsung mahupun tidak membuka laluan kepada perancangan dan pelaksanaan program-program keusahawanan sebagai sebahagian daripada usaha penjanaan kewangan melibatkan pelajar dalam konteks yang dibenarkan dan seiring dengan pekeliling UiTM.

Selain daripada Osaka, Kyoto, Kobe dan Nara, Jepun, Kolej Melati telah mengadakan beberapa siri program pengantarabangsaan melibatkan negara Indonesia, China dan Korea. Apa yang menarik tentang program pengantarabangsaan ini ialah, para JPK diberi ruang mengendalikan program ini dari awal pelantikan mereka sebagai JPK terutamanya daripada aspek perancangan sehingga kepada aspek perkongsian bersama pelajar-pelajar lain di Kolej Melati. Aspek utama dalam program pengantarabangsaan ini adalah melakukan kajian dan merasai sendiri cara hidup Islam di negara-negara yang dilawati. Hasil daripada lawatan tersebut, JPK dapat mengasah bakat membuat kajian secara ilmiah di samping membuat penulisan akademik dan juga kreatif sebagai hasilan daripada program-program pengantarabangsaan yang telah dilaksanakan.

LATARBELAKANG PROGRAM

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) merupakan barisan kepimpinan pelajar di peringkat kolej kediaman yang dipilih oleh pengetua dan barisan pengurusan serta staf-staf residen kolej yang kemudiannya dilantik secara rasmi oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNCHEP). Peranan JPK amat signifikan dalam menjayakan program-program di peringkat kolej kediaman selama dua semester (satu tahun) bagi setiap lantikan. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh JPK adalah amat penting dalam menjayakan sesuatu program dan ia berkait rapat dengan daya kepimpinan, pengalaman dan komitmen mereka dalam merancang dan melaksanakannya sehingga matlamat tercapai.²

Program pengantarabangsaan di Kolej Melati melibatkan kerjasama yang padu daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) pengetua kolej, barisan pengurusan kolej, staf-staf residen kolej dan yang paling utama adalah JPK. Tanpa kerjasama yang padu, program pengantarabangsaan yang melibatkan perancangan dan pengurusan yang rapi ini tidak akan terlaksana. Perancangan dan pengurusan rapi yang dimaksudkan di sini merujuk kepada pelan pelaksanaan dan pengurusan agenda serta dokumentasi yang disusun seawal pelantikan JPK sehingga kepada penghasilan penulisan akademik berpandukan kajian yang dijalankan semasa lawatan akademik dijalankan di negara-negara yang berkenaan. Bagi program-program pengantarabangsaan yang lepas, Kolej Melati telah Berjaya menghasilkan beberapa buah travelog dan juga kertas persidangan yang telah dibentangkan di persidangan antarabangsa.

² Fairus Muhamad Darus, Norzalaihan Ahmad dan Syed Yusainee Syed Yahya. 2005. *Modul Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar di Universiti Teknologi MARA: Visi dan Realiti*. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Nasional (SPARK). Hotel Century Mahkota, Melaka. 27 – 30 November 2005. m.s. 4.

Kertas persidangan ini telah dihasilkan sendiri oleh para JPK menggunakan hasil dapatan melalui beberapa temubual dan pemerhatian yang dibuat di Korea.³

Program pengantarabangsaan pada tahun 2018 yang telah dijalankan melibatkan beberapa bandar di Jepun iaitu Osaka, Kyoto, Kobe dan Nara pada 28 Mei hingga 1 Jun 2018 merupakan salah satu daripada program-program pengantarabangsaan yang dijalankan oleh JPK Melati dengan kerjasama daripada Bahagian HEP, bahagian pengurusan dan staf-staf residen Kolej Melati. Pemilihan Jepun sebagai negara untuk dilawati adalah berkaitrapat dengan minat dan kecenderungan pelajar untuk memahami dan merasai sendiri berada di sebuah negara maju yang terkenal dengan nilai ketamadunan yang tinggi dan ‘kepesatan pembangunan’⁴ dalam pelbagai aspek termasuklah dalam bidang tadbir urus/pengurusan⁵, ekonomi⁶, pendidikan⁷, budaya⁸ dan juga gaya hidup yang ‘Islamik’⁹. Pemilihan ini juga seiring dengan Dasar Pandang ke Timur yang meletakkan Jepun sebagai contoh ketamadunan yang tinggi daripada pelbagai aspek termasuk budaya, gaya hidup, gaya kerja dan etika dalam kehidupan seharian.¹⁰

Program ini pada awalnya melibatkan usaha seramai 17 JPK daripada pelbagai Biro termasuklah Biro Keusahawanan yang terlibat secara langsung dalam aspek penjanaan sumber kewangan. Program ini dianggap sebagai program berimpak tinggi kerana ia memberi nilai tambah kepada bakal graduan UiTM selain daripada menggunakan yang minimal daripada Tabung Amanah Kolej (TAK). Program sebegini adalah seiring dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang membekalkan suatu cara yang kreatif dan sistematik dalam mewujudkan nilai tinggi dengan kos yang rendah rendah.

PELAKSANAAN PROJEK BERIMPAK TINGGI MELALUI PROGRAM PENGANTARABANGSAAN KOLEJ MELATI

Pembangunan pelajar di institusi pengajian tinggi amnya dan di kolej kediaman khususnya adalah amat penting kerana ia merupakan agen penyumbang dalam perkongsian bestari di antara institusi pendidikan dan organisasi kerjaya. Maka, amatlah penting untuk menyediakan ruang penglibatan pelajar dalam program berimpak tinggi di kolej-kolej kediaman agar aspek pembangunan pelajar sentiasa seiring dengan apa jua aspirasi universiti menjadi sebuah universiti yang cemerlang. Program pengantarabangsaan merupakan sebahagian daripada

³ Khalid, M., Khir, M., Aqilah, N., Mazlan, N. N., Halid, M., Farhanah, N., & Jamal, N. (2017). Muslims in South Korea: The way of life. *Proceeding Of 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis), Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka. m.s. 943. 2nd International Islamic Heritage Conference 2017, 14 & 15 November 2017, Avillion Legacy Hotel Melaka, Malaysia.

⁴ Beasley, W. G., & Beasley, W. G. (2000). *The rise of modern Japan: political, economic and social change since 1850*. Weidenfeld & Nicolson.

⁵ Perry, L. T. (1982). Japan as number one: Lessons for America, EF Vogel, Harvard University Press, Cambridge, MA, 1979. No. of pages: 272. Price: \$12.50. *Strategic Management Journal*, 3(4), 381-383.

⁶ Thurow, L. C. (2003). *Head to head: The economic battle among Japan, Europe, and America*. HarperBusiness. Lihat juga Okamoto, H. (2017). Japan. In *Towards Industrial Democracy* (pp. 190-239). Routledge.

⁷ Schoppa, L. J. (2002). *Education reform in Japan: A case of immobilist politics*. Routledge.

⁸ Yoshino, K. (2005). *Cultural nationalism in contemporary Japan: A sociological enquiry*. Routledge. Lihat juga LeTendre, G. K., Hofer, B. K., & Shimizu, H. (2003). What is tracking? Cultural expectations in the United States, Germany, and Japan. *American educational research journal*, 40(1), 43-89.

⁹ Yamagishi, T., & Yamagishi, M. (1994). Trust and commitment in the United States and Japan. *Motivation and emotion*, 18(2), 129-166.

¹⁰ Talib, K. A., Sulaiman, N., Isa, S. M., & Saad, S. (2013). Assessing the Look East Policy: Moving Beyond Work Culture and Ethic. *Asian Social Science*, 9(17), 111.

projek-projek yang boleh membangun potensi diri pelajar-pelajar yang menginap di kolej kediaman.¹¹ Ini termasuklah membangun cara berfikir yang diharapkan seperti berusaha sendiri, berdiskusi, kreatif, menang-menang, muhasabah diri, sukarela, bertanggungjawab, proaktif, integrasi kaum, berbagai peluang, serta ‘otak’ ikhlas dalam melakukan sesuatu.¹² Selain daripada itu, program pengantarabangsaan seperti ini dapat menghasilkan pelajar yang cemerlang daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) yang dapat menjadi aset bagi sebuah institusi pengajian tinggi dan idaman bagi semua organisasi.¹³ Hasilnya, program pengantarabangsaan ini mampu memperkasa modal insan generasi muda ke arah membina masyarakat berminda kelas pertama.¹⁴

Konsep impak tinggi ini dalam aktiviti pembangunan pelajar ini telah diterjemahkan sebagai kesan sesuatu aktiviti yang dilakukan oleh pelajar mestilah berjaya meningkatkan sekurang-kurang satu dari tiga komponen iaitu meningkatkan keperibadian pelajar (kemahiran insaniah, akhlak/moral, jatidiri kebangsaan, kebolehpasaran), meningkatkan citra universiti, dan meningkatkan aktiviti yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat (kampus/dalam/luar negara)¹⁵ Program pengantarabangsaan ini juga bertepatan dengan konsep “*blue ocean strategy*” atau lebih dikenali sebagai NBOS yang bermaksud membekalkan satu cara yang kreatif dan sistematik dalam mewujudkan nilai tinggi dengan kos rendah.¹⁶ Konsep ini telah digunakan oleh kerajaan dan diterapkan dalam pelbagai sektor pembangunan. Kos yang rendah ini merujuk kepada kos yang dikeluarkan oleh UiTM, khususnya

¹¹ Jaladin, R. A. M., & Amit, N. H. Halatuju Perkembangan Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman: Satu Perkongsian. m.s. 1. <https://core.ac.uk/download/pdf/11777342.pdf>. Diakses pada 5/7/2018 2.30a.m

¹² Jaladin, R. A. M., & Amit, N. H. Halatuju Perkembangan Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman: Satu Perkongsian. m.s. 2. <https://core.ac.uk/download/pdf/11777342.pdf>. Diakses pada 5/7/2018 2.30a.m

¹³ Azizan Baharuddin, 2003. Prestasi Akademik Mahasiswa Kini Memberangsangkan? Seminar Pembantu Mahasiswa sesi 2003/2004. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Auditorium Kompleks Perdana Siswa, 8 April 2003.

¹⁴ Anuar, M., Darus, F. M., & Yahya, S. Y. S. (2006). Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Univesiti Teknologi MARA, Shah Alam.

¹⁵ Anuar Ahmad (2 Jun 2012). *Apakah Maksud Aktiviti Pelajar Berimpak Tinggi?* Diakses dari [http://anuar-ahmad.blogspot.com/2012/06/apakah-maksud-aktiviti-pelajar-berimpak.html pada 7/7/2018 8.00 p.m.](http://anuar-ahmad.blogspot.com/2012/06/apakah-maksud-aktiviti-pelajar-berimpak.html)

Secara umum aktiviti impak tinggi membawa maksud selepas sesuatu aktiviti di lakukan oleh pelajar kesannya mestilah berjaya meningkatkan sekurang kurang satu dari tiga komponen di bawah. Jika sesuatu aktiviti berjaya meningkatkan ketiga tiga komponen di bawah sekaligus, maka itulah aktiviti paling tinggi impaknya.

a. *Meningkatkan keperibadian pelajar yang bermaksud meningkatkan empat perkara berikut;*

- kemahiran insaniah (komunikasi, kerja sepasukan, membuat keputusan etc)
- akhlak dan moral (kerohanian, amanah, bantu membantu etc)
- jatidiri kebangsaan (Bahasa Melayu, sejarah bangsa, toleransi, perpaduan, memahami interbudaya
- kebolehpasaran (bahasa inggeris, hubungan industri etc)

b. *Meningkatkan Citra UKM*

- mempromosi imej universiti sebagai sebuah universiti berstatus kebangsaan
- kecemerlangan dalam semua bentuk pertandingan dalam dan luar negara
- pembinaan rasa sayang pada UKM dan program alumni.

c. *Meningkatkan aktiviti yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat kampus, masyarakat dalam dan luar negara.*

- Program khidmat masyarakat secara konsisten berdasarkan bidang yang dipelajari di UKM.
- Mengerakkan Kesukarelawanan secara segera bila diperlukan dalam dan luar negara (e.g bencana)

¹⁶ Kim, W. C., & Mauborgne, R. (2002). Charting your company's future. *Harvard business review*, 80(6), 76-85. Lihat juga Kaplan, R. S., & Norton, D. P. (2008). Mastering the management system. *Harvard business review*, 86(1), 62. Diakses dari http://www.strimgroup.com/wp-content/uploads/pdf/KaplanNorton_HBR_MasteringTheManagementSystem.pdf. Diakses pada 9/7/2018 jam 2.16 p.m. Lihat juga Drucker, P. F., & Maciariello, J. A. (1996). *The executive in action*. New York, NY: HarperBusiness.

Bahagian HEP melalui Tabung Kewangan Kolej (TKK) yang mana, dana yang diluluskan adalah RM6000.00 sahaja. Jumlah dana ini adalah minimal bagi satu lawatan akademik ke sebuah negara maju selama lima (5 hari) dengan melibatkan 15 orang pelajar termasuk pegawai pengiring. Oleh kerana ini, para pelajar diberikan ruang berfikir secara kreatif dan sistematik bagi menjana sendiri dana yang diperlukan bagi memenuhi keperluan kewangan selain penjimatan wang. Keseluruhan kos bagi setiap pelajar adalah RM4000.00 merangkumi perbelanjaan penginapan, tiket perjalanan kapal terbang, tiket keretapi antara bandar (Osaka, Kyoto, Kobe, dan Nara), makan dan minum serta lain-lain perbelanjaan yang mana kos sara hidup di Jepun adalah tinggi. Contohnya, anggaran perbelanjaan makan dan minum bagi seorang pelajar adalah RM30-40 bagi satu hidangan berbeza dengan Malaysia iaitu dalam lingkungan RM5-10 bagi satu hidangan utama.

Hal ini bukan jadi satu penghalang kepada pelajar, malah ia merupakan batu loncatan untuk mereka berfikir secara kreatif dan inovatif dalam ikhtiar mengumpul dana sendiri dalam ruang yang dibenarkan. Selain daripada itu, para pelajar didedahkan dengan cara penjimatan kos yang optimum dengan menaiki keretapi serta berjalan kaki ke pelbagai tempat yang ingin dituju samada dari Stesen Keretapi Osaka ke tempat penginapan di Nipponbashi dan dari Nipponbashi ke Dotonbori untuk mencari keperluan berbuka puasa dan juga dari Saga Torokko Station ke Arashiyama Bamboo Forest yang terkenal di Kyoto. Menaiki taxi dan bas bukanlah menjadi pilihan kerana ia melibatkan kos yang lebih tinggi. Selain daripada itu, dalam penjelajahan lawatan akademik melibatkan Masjid Kobe untuk satu majlis khatam al-Quran serta temubual bersama Imam masjid dan peniaga kedai barang Muslim di sana hingga ke Osaka Castle dan juga ke Restoren Malaysia Boleh berhampiran Grand Front Osaka, para pelajar telah berjalan kaki sekurang-kurangnya 8.18 kilometer bersamaan dengan 11,450 langkah. Keadaan ini berbeza dengan kehidupan pelajar di UiTM Shah Alam di mana para pelajar diberikan perkhidmatan bas yang sempurna walaupun ia melibatkan perjalanan dari Kolej Melati ke Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC) yang jaraknya kurang daripada 1 kilometer. Walaupun terpaksa berjalan kaki bagi menjimatkan kos sara hidup di sana, hal ini secara tidak langsung menyuntik sifat '*'survival'*'¹⁷ dalam ruang lingkup kehidupan yang mencabar yang mana kewangan bukan lagi menjadi faktor utama bagi kelangsungan hidup. Hal ini dibuktikan apabila para pelajar memilih untuk berjalan kaki daripada menaiki bas atau taxi bagi menghayati cara hidup sihat masyarakat Jepun. Pegawai pengiring yang mengikuti setiap ekspedisi tersebut berbangga dengan sikap pelajar-pelajar kerana mereka tidak pernah mengeluh. Para pelajar sentiasa mengingatkan antara mereka untuk meneruskan perjalanan demi menyempurnakan hasrat mereka dan merasai sendiri gaya hidup masyarakat di sana bagi menghargai penat lelah mereka selama ini mengumpul sejumlah wang sehingga mereka berjaya melangkah ke bumi Jepun.¹⁸

Program pengantarabangsaan Kolej Melati boleh dianggap sebagai sebuah program yang sangat kreatif dan sistematik apabila para JPK berpeluang bukan sahaja merasai

¹⁷ Csikszentmihalyi, M., & Halton, E. (1981). *The meaning of things: Domestic symbols and the self*. Cambridge University Press.

¹⁸ "Sepertimana kesungguhan jemaah umrah atau haji yang gigih menyempurnakan ibadah tawaf dan saei, para pelajar dilihat sebagai sangat gigih dalam ekspedisi Osaka-Kyoto-Kobe-Nara ini memandangkan ia turut diadakan pada bulan puasa yang nyata lebih panjang waktunya iaitu 16 jam berbanding di Malaysia iaitu 13 jam sahaja. Tiada langsung keluhan penat lelah walaupun setiap hari mereka memilih untuk berjalan sejauh tidak kurang 8 kilometer. Mereka bukan tiada duit untuk menaiki bas atau taxi, tetapi mereka sengaja memilih untuk berjalan kaki bagi merasai sendiri semangat, kegigihan dan survival masyarakat Jepun." – Nurulhuda Adabiah Mustafa (Pegawai Pengiring).

pengalaman berada di negara orang tetapi juga berpeluang menjalankan kajian berbentuk temubual dengan beberapa responden bertemakan budaya dan gaya hidup Islam di Osaka, Kyoto, Kobe dan Nara. Selain temubual bersama-sama rakyat negara Jepun beragama Islam, Imam Masjid Kobe (masjid tertua di Jepun) dan juga rakyat Malaysia yang berada di Jepun, para JPK juga diberikan satu tanggungjawab untuk menghasilkan kertas kerja akademik dan juga travelog sebagai hasilan usaha gigih menjayakan program pengantarabangsaan selama lebih setahun. Penghasilan penulisan akademik ini berlaku dengan kerjasama yang wujud di antara para JPK dengan ahli akademik, penasihat program dan pengetua. Justeru, penasihat hasil kajian akademik telah dilantik secara khusus bagi meneliti kajian yang dilakukan termasuklah penulisan travelog dan kertas persidangan. Proses kerjasama ini juga tidak melibatkan kos kerana para JPK berjaya mendapatkan kerjasama menang-menang melalui beberapa perbincangan yang cukup signifikan. Kerjasama berbentuk kolaborasi ini menjelaskan tentang aspek impak tinggi dalam sesuatu program sehingga menghasilkan sesuatu yang bernilai kepada para pelajar yang akan bergraduat di UiTM selain kesan jangka masa panjang kepada semua yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak.

Aspek nilai tinggi dalam program pengantarabangsaan ini tidak terhenti kepada JPK yang terlibat secara langsung dalam program ini, malah, seperti yang dilaksanakan pada sebelum ini, program ini akan turut dikongsikan bersama ribuan pelajar kolej kediaman Melati dalam satu program khas yang dijalankan pada setiap tahun. Perkongsian ini berbentuk perkongsian ilmu dan pengalaman bertujuan mengajak para pelajar untuk merebut peluang berada di kolej dengan melibatkan diri secara aktif sehingga menjadikan mereka berdaya saing dan mempunyai nilai tambah apabila mereka bergraduat nanti. Hal ini seiring dengan aspirasi UiTM menghasilkan graduan yang berkebolehan dalam pelbagai segi.¹⁹

MANFAAT: NILAI TAMBAH DAN POTENSI DIRI DI KALANGAN BARISAN KEPIMPINAN PELAJAR PERINGKAT KOLEJ KEDIAMAN

Penglibatan secara langsung JPK dalam perancangan dan pengurusan program pengantarabangsaan ini merujuk kepada strategi pemerkasaan pelajar dalam menyuarakan pandangan dalam beberapa siri mesyuarat bersama pengetua, barisan pengurusan dan staf-staf residen kolej seawal pelantikan JPK hinggalah kepada penghasilan kajian akademik yang dibentangkan di persidangan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Selain melatih pemimpin pelajar kolej kediaman menyuarakan pandangan, proses perancangan dan pengurusan ini juga mendedahkan kepada mereka aspek pematuhan kepada peraturan yang berkuatkuasa,²⁰ dokumentasi seperti penyediaan kertas kerja, surat-menyurat, penyediaan notis serta laporan-laporan yang secara tidak langsung mendidik mereka dengan penuh disiplin tentang bagaimana untuk berinteraksi dengan pelbagai pihak dengan kaedah yang betul. Selain daripada itu, JPK juga didedahkan dengan keperluan memantau garis masa perancangan dengan usaha-usaha yang perlu terutama sekali berkenaan kelulusan sesuatu permohonan serta jumlah penjanaan dana bagi tujuan lawatan akademik.

¹⁹ Fairus Muhamad Darus, Norzalaihan Ahmad dan Syed Yusainee Syed Yahya. 2005. *Modul Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar di Universiti Teknologi MARA: Visi dan Realiti*. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Nasional (SPARK). Hotel Century Mahkota, Melaka. 27 – 30 November 2005.

²⁰ Lihat Manual Pengurusan: Aktiviti Pelajar UiTM. (Edisi Kedua: 20 Mei 2014) Bahagian 5: Pengurusan Permohonan Mengadakan Aktiviti Ke Luar Negara Universiti Teknologi MARA.

Pelbagai skil yang diperolehi sepanjang pelaksanaan program adalah sebahagian daripada nilai tambah kepada kebolehpasaran graduan (*Graduate Employability*)²¹, malahan juga bakal menjadi sebahagian daripada barisan kepimpinan negara yang mampu membina sebuah negara yang cemerlang di mata dunia. Hal ini menyokong teori yang mengatakan bahawa, lebih banyak penglibatan pelajar dalam pelbagai bidang sewaktu pengajian mereka di universiti, maka lebih banyak faedah yang akan diperolehi berkait rapat dengan pembangunan diri pelajar itu sendiri.²² Penglibatan JPK dalam program pengantarabangsaan ini juga menyokong aspirasi UiTM dalam usaha membangunkan potensi pelajar dalam mendepani kehidupan yang lebih mencabar apabila mereka bergraduat nanti. Cabaran-cabaran yang bakal dihadapi perlu ditangani dengan kekuatan mental dan emosi dan juga keadaan psikologi yang hanya dapat diperolehi dengan latihan serta pendedahan awal setelah mereka bergraduat di universiti.²³

Membentuk Sifat Kemimpinan

JPK yang dilantik diberikan ruang untuk berbincang sesama mereka tentang program pengantarabangsaan dengan mendapat bimbingan daripada pengetua dan penasihat program.²⁴ Kebebasan yang diberikan ini juga digunakan dengan sebaiknya oleh para JPK untuk membuat pemilihan tempat yang ingin dituju dengan tema yang tertentu bagi memudahkan urusan kajian mereka. Sebagai JPK, mereka juga dilatih untuk mendapatkan pandangan dan nasihat daripada pengetua, pihak pengurusan dan SRK yang berkeahlilan dalam pelbagai bidang. Justeru, aspek kepimpinan memang jelas diasah sepanjang pengendalian program pengantarabangsaan ini. Aspek kepimpinan yang dimaksudkan bukan sahaja merujuk kepada bagaimana setiap JPK itu memimpin rakan JPK yang lain untuk mendapatkan kata sepakat dan menerima pandangan yang masing-masing berbeza, mereka juga berpeluang mendidik elemen kepimpinan dalam diri mereka sendiri menjadi sehingga menjadikan mereka lebih berketrampilan.

Aspek kepimpinan para JPK adalah lebih terserah apabila mereka telah berada di negara orang. Setiap daripada mereka menunjukkan sikap bertanggungjawab dan prihatin terhadap rakan-rakan mereka yang lain. Bagi yang suka memasak, mereka mengetuai aktiviti masak-memasak bagi penyediaan sahur walaupun waktunya adalah sebelum 1.30 pagi. Kekuatan hati mereka menyediakan juadah buat rakan-rakan yang lain menonjolkan sikap keprihatinan dan tanggungjawab bagi memastikan rakan-rakan mereka beroleh kekuatan untuk ekspedisi yang

²¹Shahiri, H., dan Pengurusan, F. E., & Adnan, S. N. The Relevancy of Co-Curricular Activities on Graduates Employability: Evidence from a Graduate Unemployment Duration Model. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10 (PERKEM 10), Kekayaan Terangkum Teras Pembangunan Lestari, Melaka Bandaraya Bersejarah, 18 – 20 September 2015

²²Shahiri, H., dan Pengurusan, F. E., & Adnan, S. N. The Relevancy of Co-Curricular Activities on Graduates Employability: Evidence from a Graduate Unemployment Duration Model. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10 (PERKEM 10), Kekayaan Terangkum Teras Pembangunan Lestari, Melaka Bandaraya Bersejarah, 18 – 20 September 2015 .

²³ Luthans, F., Youssef, C. M., & Avolio, B. J. (2007). *Psychological capital: Developing the human competitive edge* (Vol. 198). Oxford: Oxford University Press. “PsyCap is an individual’s positive psychological state of development and is characterized by: (1) having confidence (self-efficacy) to take on and put in the necessary effort to succeed at challenging tasks; (2) making a positive attribution (optimism) about succeeding now and in the future; (3) persevering toward goals and, when necessary, redirecting paths to goals (hope) in order to succeed; and (4) when beset by problems and adversity, sustaining and bouncing back and even beyond (resiliency) to attain success.”

²⁴ Penasihat program kebiasannya diberikan kepada Penolong Pengurus Asrama Kanan yang mempunyai ruang masa yang mencukupi untuk membantu pelajar menyediakan kertas kerja, mengendalikan hal surat menyurat, dan lain-lain yang diperlukan oleh barisan kepimpinan pelajar kolej kediaman (JPK).

telah dirancang setiap hari. Bukan itu sahaja, terdapat kekhilafan beberapa rakan JPK yang telah berlaku di lapangan terbang Kansai, Osaka sewaktu berangkat pulang menyebabkan kelewatan dan kekalutan urusan *check-in*. Bagi menjaga aib rakan seperjuangan mereka, tiada seorang pun yang mendedahkan siapa orangnya kepada pegawai pengiring yang bertanyakan siapa yang bertanggungjawab. Bagi mereka, setiap kesilapan yang berlaku di antara mereka adalah tanggungjawab bersama dan mereka memohon maaf atas kapasiti mereka sebagai JPK. Ini adalah satu contoh aspek kepimpinan dan ketulusan yang ada dalam diri JPK Melati yang telah ditonjolkan sewaktu mereka berada di negara orang. Konsep ‘tanggungjawab bersama’²⁵ yang diamalkan oleh JPK amatlah dibanggakan.

Sifat-sifat kepimpinan ini tidak terhenti setakat itu sahaja, malahan merangkumi tempoh pelaksanaan program ini selama sekurang-kurangnya setahun. Hal ini hanya berlaku berkat dorongan, bimbingan dan nasihat daripada pengetua, penasihat program dan juga barisan SRK yang sentiasa bersedia memberi nasihat dan pandangan apabila diperlukan. Budaya kekeluargaan yang diterapkan dalam hubungan di antara pengetua, SRK dan JPK membuka ruang yang mudah bagi setiap pelajar untuk berkongsi cerita dan permasalahan mereka selain terus didorong melakukan yang terbaik tanpa pernah menyerah kalah.

Memupuk Semangat Keusahawanan

Kewangan merupakan aspek penting dalam program pengantarabangsaan kerana JPK hanya dibekalkan dengan RM6000.00 daripada Tabung Amanah Kolej (TAK), Bahagian HEP, UiTM. Para pelajar diberikan kebenaran samada untuk memohon tajaan ataupun menjana dana sendiri bagi menampung perbelanjaan lawatan akademik dan penyediaan dokumentasi pasca lawatan akademik.²⁶ Memandangkan program pengantarabangsaan ini melibatkan semua JPK daripada pelbagai biro, maka setiap JPK memainkan peranan penting dalam urusan perniagaan secara kecil-kecilan di Kolej Melati dan juga penglibatan dalam aktiviti keusahawanan dalam tempoh Konvokesyen. Bagi urusan lawatan akademik ke Jepun kali ini, para JPK telah memilih untuk menjana sendiri pendapatan dengan melakukan jualan kecil-kecilan menggunakan modal sebanyak RM500.00 sahaja.

Selain daripada jualan kecil-kecilan tersebut, program keusahawanan yang dijalankan turut melibatkan kerjasama dengan sebuah syarikat fotografi sempena konvokesyen UiTM. Urusan kerjasama ini dilaksanakan dengan sendiri oleh pihak JPK dengan nasihat pengetua, staf pengurusan dan juga para SRK. Kerjasama yang dibentuk dengan sebuah syarikat fotografi telah membantu para JPK mengumpul dana yang mencukupi walaupun masa yang diambil hanyalah dua minggu. Tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti jualan dan kerjasama dengan syarikat fotografi ini memerlukan para JPK bekerja keras dan menyusun strategi agar seimbang dengan aktiviti akademik. Hal ini secara tidak langsung melatih diri mereka untuk menyeimbangkan pelbagai aspek dalam sebuah survival kehidupan yang mencabar. Justeru, penulis-penulis berpandangan bahawa program pengantarabangsaan kali ini memberi impak yang tinggi kepada

²⁵ Dan-Cohen, M. (1992). Responsibility and the Boundaries of the Self. *Harvard Law Review*, 959-1003. Lihat juga Gilbert, M. (2002). Collective guilt and collective guilt feelings. *The Journal of Ethics*, 6(2), 115-143. Lihat juga Smiley, M. (2008). Collective Responsibility. *Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Diakses daripada <https://stanford.library.sydney.edu.au/archives/spr2008/entries/collective-responsibility/>, diakses pada 9/7/2018 jam 1.27 p.m.

²⁶ Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar UiTM (Edisi Kedua: 20 Mei 2014): Aktiviti memungut derma/kutipan wang di luar kampus oleh pelajar/persatuan pertubuhan pelajar IPTA boleh dibuat seperti diperuntukan di bawah Seksyen 15A Akta Universiti dan Kolej universiti 1971 (pindaan 1996).

pembangunan pelajar itu sendiri apabila keterlibatan para JPK dalam aktiviti keusahawanan benar-benar menyerlahkan pelbagai potensi mereka.

Aktiviti keusahawanan seumpama ini bukan sahaja melatih pelajar untuk mencari inisiatif bagi mengumpul dana, tetapi juga melatih cara berinteraksi dengan pelbagai pihak terutamanya dengan pihak usahawan yang lain bagi membina sebuah kerjasama menang-menang. Selain daripada itu, aktiviti keusahawanan ini melatih diri mereka berjiwa kental dan berani terutamanya apabila dana yang banyak perlu dikumpul dalam masa yang singkat. Para JPK tidak menoleh ke belakang apabila dana yang dikumpulkan masih tidak mencukupi pada pertengahan tahun pelaksanaan program. Namun begitu, mereka gigih berikhtiar dan berusaha agar penyelesaian dapat diperolehi sehingga dana yang diperlukan berjaya dikumpul sebelum lawatan akademik dapat direalisasikan. Hal ini membuktikan bahawa nilai sesuatu terletak kepada sejauhmana seseorang itu bersikap kreatif dan inovatif sehingga dapat membangun potensi mereka ke arah yang lebih berkualiti seterusnya menjadikan mereka lebih berdaya saing.²⁷

Membina Jaringan Kolaborasi

Penjanaan dana ini berlangsung selama hampir setahun dengan terkumpulnya dana sebanyak lebih RM40,000.00 yang mana setiap JPK mendapat bahagian sebanyak RM4000.00 seorang yang digunakan sepenuhnya untuk lawatan akademik ke Jepun dengan mendapat kerjasama daripada sebuah agen pelancongan lulusan UiTM iaitu Sushi Travel. Hubungan baik yang terbentuk besama agen berkenaan telah membuka peluang kepada JPK untuk menimba pengalaman bekerja di Sushi Travel apabila para JPK ditawarkan untuk bekerja atau menjalankan latihan praktikal bersama mereka. Selain daripada manfaat yang diperolehi JPK, pihak Sushi Travel juga tidak kurang mendapat manfaat apabila diberikan peluang mengetui ekspedisi ke beberapa buah bandar di Jepun seterusnya dapat mempromosikan lagi perniagaan sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh alumni UiTM sendiri.

Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, para JPK juga berpeluang berkolaborasi bersama sebuah syarikat fotografi yang memberi peluang kepada para JPK bekerja sebagai pegawai pemasaran di kedai fotografi semasa Majlis Konvokesyen UiTM diadakan pada tahun 2017. Kolaborasi ini memerlukan sikap bertabah hati kerana semua JPK perlu meluangkan masa di tapak jualan konvokesyen yang pada ketika itu cukup panas selain perlu melayani pelanggan-pelanggan yang hadir ke kedai. Para JPK juga perlu bersikap terbuka dan redha dengan kepayahan menjana pendapatan kerana itu adalah pilihan mereka sendiri bagi merasai sendiri penat-lelah ibu-bapa dan keluarga mereka bagi melihat mereka berjaya menonjolkan kecemerlangan diri. Keadaan diri para JPK ini sesuai dengan kata-kata yang berbunyi, '*hidup ini bukanlah tentang menunggu badai berlalu pergi, tetapi belajar untuk menari di bawah hujan yang turun membasahi bumi*'.

Memahami Islam yang bersifat Universal

Siri-siri program pengantarabangsaan yang dilaksanakan di Kolej Melati pada asasnya berkisar tentang gaya hidup Islam di negara-negara yang dilawati. Hal ini cukup signifikan bagi pelajar-

²⁷ Cho, H. J., & Pucik, V. (2005). Relationship between innovativeness, quality, growth, profitability, and market value. *Strategic management journal*, 26(6), 555-575.

pelajar kolej kediaman yang rata-ratanya beragama Islam. Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar ini perlulah didedahkan dengan kefahaman yang lebih baik tentang sifat Islam yang syumul, iaitu universal di semua tempat dan zaman. Hal ini juga bertepatan dengan pandangan para ilmuan tentang kaitan kesyumulan Islam dengan jati diri bangsa Melayu itu sendiri.²⁸ Para pelajar yang melibatkan diri dalam program pengantarabangsaan berkonsepkan penghayatan cara hidup sebenar dan bersifat universal ini bukan sahaja dapat melatih diri menjadi manusia yang lebih baik daripada pelbagai aspek, malah turut membina minda yang lebih positif terutamanya terhadap kefahaman cara hidup Islam yang bersifat lemah-lembut, berkasih-sayang serta keyakinan yang tinggi dengan kasih dan cinta Allah terhadap semua makhluk.²⁹ Selain daripada itu, para pelajar juga dapat membuat penilaian sendiri tentang kepelbagaiannya cabaran yang dihadapi oleh umat Islam tidak kira di mana mereka berada. Hal ini mampu menjadikan mereka lebih bersyukur kerana berpeluang mengamalkan cara hidup Islam dengan lebih bebas di negara sendiri.

Program yang bertemakan ‘Srikandi Melati Menjejak Sinar Islam di Kyoto’ ini menyokong jati diri para generasi muda yang sedang menongkah arus kemodenan yang sangat mencabar. Dalam kemelut era pembangunan yang menyaksikan pelbagai kejadian keruntuhan akhlak serta kejatuhan nilai-nilai akhlak Islami bangsa Melayu, program pengantarabangsaan ini adalah salah satu usaha menanamkan keyakinan dalam kalangan pelajar berkenaan kesucian dan kemurnian Islam itu sendiri. Sesungguhnya, yang menentukan Islam itu indah atau sebaliknya adalah akhlak Muslim itu sendiri, tidak kiralah walau di mana mereka berada. Hal ini telah diakui, di mana Islam itu sudah sebatи dalam masyarakat Melayu yang tanpa penghayatan Islam yang mencukupi, maka mudahlah anasir-anasir yang tidak diingini meresap ke dalam ruh dan jiwa anak bangsa Melayu itu sendiri.

Salah satu sifat utama bangsa Melayu yang beragama Islam adalah sifat bergantung kepada diri sendiri yang pernah dipopularkan oleh Pendeta Za’ba dalam karangannya ‘Perangai bergantung pada diri sendiri’.³⁰ Sifat bergantung kepada diri sendiri inilah perlu diterapkan dalam jiwa generasi muda melalui program-program yang memberikan mereka ruang untuk memperelok akhlak dan budi pekerti sepertimana yang dianjurkan dalam Islam. Program-program sebegini perlu sentiasa mendapat bimbingan yang berterusan daripada pelbagai pihak agar jatidiri anak bangsa Melayu terus diperteguh lantas menyebarkan citra bangsa Melayu yang cemerlang bukan sahaja di dunia malah juga di akhirat nanti. Dengan melihat sendiri citra Islam di bumi Jepun, para pelajar didorong memperelok akhlak dan budi pekerti agar menjadi insan yang cemerlang.

²⁸ Ismail, A. M., Stapa, Z., & Suhaimi, S. A. (2012). Islam Dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu (Islam and the Formation of Malay Ethnic Identity). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 143-154.

²⁹ Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2005. Citra Islam dalam pembentukan manusia melayu moden di Malaysia: satu analisa. Dlm. Jurnal Pengajian Melayu. Jil 15. Penerbit: Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. *Lihat juga* Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1972. Islam dalam sejarah kebudayaan Melayu: suatu mukaddimah mengenai peranan Islam dalam peradaban sejarah Melayu-Indonesia dan kesannya dalam sejarah pemikiran, bahasa dan kesusastraan Melayu. Penerbit. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. *Lihat juga* Za’aba, Zainal Abidin Ahmad. 2005. Perangai bergantung pada diri sendiri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

³⁰ Za’aba, Zainal Abidin Ahmad. 2005. Perangai bergantung pada diri sendiri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menyemai Budaya Ilmu di Kalangan Pelajar

Ramai mengakui bahawa nilai-nilai Islam itu wujud dalam cara hidup masyarakat Jepun. Hal ini dibuktikan dengan kajian sejarah tentang bagaimana Islam bertapak di Jepun dan bagaimana Islam itu adalah satu cara hidup yang mudah diamalkan oleh masyarakat Jepun.³¹ Selain itu, hal ini juga terserlah daripada akhlak mereka terutama sekali dalam melayani tetamu, menghormati orang lain, disiplin yang tinggi, kebolehpercayaan³² dan juga kerja keras. Hal ini sediri diakui oleh beberapa responden yang ditemubual.

Lawatan akademik selama lima hari ini merangkumi beberapa temubual yang dilakukan di semua bandar yang dilawati. Mendapatkan responden yang sudi ditemubual bukanlah mudah. Contohnya, bagi tujuan menemubual seorang pekerja Malaysia yang bekerja di Jepun, JPK terpaksa mendapatkan bantuan saudara lelaki beliau yang bekerja di Nagoya yang sudi datang dari jauh menaiki keretapi laju Shinkansen ke Kyoto bersama rakannya. Hasilnya, JPK berasa selesa menemuramah responden-responden tersebut memandangkan mereka saling kenal mengenali dan mendapat maklumbalas yang diperlukan. Hal ini kerana pengalaman mereka bekerja dan hidup selama beberapa tahun di Jepun dapat dikongsi bersama para JPK yang sedang membuat kajian berkaitan budaya dan cara hidup Islam di Kyoto.

Selain daripada itu, para pelajar juga berpeluang menemuramah Imam Masjid Kobe, iaitu masjid yang tertua di Jepun. Imam tersebut bukanlah berbangsa Jepun tetapi sudah lama berada di Jepun dan telah mengislamkan ramai orang di sana. Pelajar dimaklumkan bahawa dalam seminggu, ada sekurang-kurangnya seorang dua datang ke Masjid dan membuat akuan syahadah di hadapan beliau. Beliau juga memaklumkan bahawa ramai dari kalangan masyarakat Jepun yang mengucapkan syahadah di hadapan beliau itu tertarik dengan akhlak ahli masjid yang gemar menjemput mereka makan secara percuma di Masjid tidak kira apapun kepercayaan mereka. Menurut Imam berkenaan, orang Islam seharusnya sentiasa menonjolkan akhlak yang baik kerana itulah tarikan orang bukan Islam kepada Islam. Para pelajar juga berpeluang bersemuka dengan seorang pelajar Jepun bukan beragama Islam yang hadir ke Masjid bersama rakannya yang berbangsa Indonesia dengan menunjukkan rasa hormat dan mengucapkan terima kasih kerana mengunjungi masjid tersebut. Di sana juga terdapat seorang wanita Jepun yang sedang memperbetulkan bacaan al-Quran bersama seorang wanita Islam di dalam sebuah bilik khas di dalam masjid berkenaan. Pelajar mengambil masa selama satu jam bersam Imam berkenaan sebelum Imam tersebut meminta diri untuk mengimami solat Zohor.

Bandar Nara pula menyaksikan para JPK menemuramah seorang gadis Jepun yang beragama Islam yang juga cukup popular di Malaysia bernama Ana Farhana. Beliau amat mudah bekerjasama menjawab pelbagai soalan yang dikemukakan oleh pelajar dan sehingga sekarang masih bersahabat baik samada melalui telefon mahupun Instagram. Pelajar menghayati budaya ilmu dan belajar menghormati mereka yang ditemubual dengan akhlak yang baik seperti mengajak mereka makan bersama serta merancang untuk berjumpa lagi pada masa-masa akan datang. Hakikatnya, di Malaysia sendiri terdapat ramai mu'allaf yang telah memeluk Islam yang rata-ratanya mempunyai pengalaman masing-masing yang cukup unik untuk dikongsi. Penulis-penulis berpandangan bahawa adalah perlu bagi para JPK untuk membuat perbandingan

³¹ Samarrai, S. M., Ali, A. H., & Zin, M. (2000). Sejarah dan Perkembangan Dakwah di Jepun. *Jurnal Usuluddin*, 12, 171-182.

³² Pelajar berpeluang menyaksikan dan berbual-bual dengan tiga kanak-kanak kecil berusia enam tahun beruniform sekolah dalam perjalanan pulang ke rumah menaiki keretapi sendirian tanpa ditemani orang dewasa. Mereka berpendapat bahawa masyarakat Jepun boleh dipercayai dan ‘baik’ jika dibandingkan dengan keadaan di Malaysia.

tentang beza cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para mu'allaf di Malaysia dan Jepun dalam kelangsungan hidup mereka sebagai Muslim.

Di Osaka, para pelajar dapat menemuramah seorang pemilik restoren Malaysia Boleh yang bukan beragama Islam. Selepas berbuka puasa, para pelajar mula menemubual beliau seperti yang dijanjikan. Walaupun beliau sibuk melayani pelanggan di restoren, beliau cuba sedaya mampu melayani para pelajar tanpa mengendahkan pelanggan yang lain. Kecekapan usahawan ini patut dicontohi pelajar kerana berdisiplin semasa menjalankan tugas tidak bermaksud perlu menonjolkan sifat yang kaku kepada orang lain. Pemilik restoren ini berjaya menonjolkan akhlak yang baik melayani pelanggan yang pelbagai karenah di samping menjalankan tugasnya sebagai pelayan pada hari tersebut. Ia amat signifikan kerana pelajar tertarik dengan keelokan budi jejaka tersebut yang kemudiannya merancang untuk berjumpa lagi di Malaysia sempena lawatan bersiri pemilik restoren tersebut bagi mendapatkan bahan-bahan mentah untuk restoren beliau di Jepun.

Perkongsian Bersama Seluruh Pelajar Kolej Melati

Berdasarkan kepada beberapa program pengantarabangsaan yang lepas, program pengantarabangsaan Kolej Melati turut melibatkan aktiviti perkongsian. Tujuannya adalah untuk menyebarluaskan ilmu bermanfaat yang diperolehi sepanjang pelaksanaan program dan memberi suntikan motivasi kepada ribuan pelaar Kolej Melati. Seperti yang dilakukan oleh barisan JPK sesi 2014/2015 dan 2015/2016, lawatan akademik ke Tokyo, Jepun; Korea; Kunming, China; dan Jogjakarta, Indonesia, telah didokumentasikan dalam bentuk travelog mahupun kertas penulisan akademik. Hasilan ini menjadi sumber rujukan pelbagai pihak termasuklah kolej-kolej kediaman yang lain untuk turut mendapat ilham dan idea bagi pelaksanaan program pengantarabangsaan berimpak tinggi.³³

Perkongsian bersama seluruh pelajar Kolej Melati adalah paling signifikan. Selain daripada itu, perkongsian ini juga merujuk kepada sebuah program bertemakan "Melati Takes on Asia" melibatkan seluruh warga Kolej Melati. Beberapa aktiviti telah diadakan sepanjang program ini berlangsung. Ini termasuklah *JSong Competition* (pertandingan menyanyi Bahasa Jepun), *Mini Matsuri* (Festival Mini Jepun), *Anime Drawing Competition* (Pertandingan Melukis Anime), *Malay Culture Fashion Show* (Peragaan Fesyen Budaya Melayu), *Master Chef Samyang* (pertandingan memasak masakan Korea), senaman Zumba, dan diakhiri dengan sesi perkongsian (dialog) para JPK sesi 2014/2015 dan 2015/2017 di hadapan 1200 pelajar di Dewan Platinum Kolej Melati. Sesi dialog ini bertajuk 'Melati Travelogue'.

Dalam sesi dialog tersebut, JPK berpeluang berkongsi pengalaman menjelajahi negara-negara yang telah dilawati dan proses-proses perancangan serta pelaksanaan yang ditempuhi bagi merealisasikan impian mereka menjelaki negara-negara berkenaan. Para pelajar mendapat pelbagai input melalui soal-jawab dan penerangan yang panjang lebar daripada wakil mantan JPK. Perkongsian yang dilakukan ini bukan sahaja memberi satu kekuatan kepada mantan JPK untuk terus melangkah jauh tetapi juga membina harapan dan memberi dorongan kepada pelajar yang belum melangkah ke negara luar untuk berusaha dengan gigih bagi mencapai

³³ Lihat Khalid, M., Khir, M., Aqilah, N., Mazlan, N. N., Halid, M., Farhanah, N., & Jamal, N. (2017). Muslims in South Korea: The way of life. *Proceeding Of 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis), Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka. m.s. 943. 2nd International Islamic Heritage Conference 2017, 14 & 15 November 2017, Avillion Legacy Hotel Melaka, Malaysia.

sesuatu impian. Ini kerana, menjadikan impian satu realiti perlukan kegigihan dan pengorbanan selain mempunyai azam yang tinggi untuk mencapainya. Program “Melati Takes on Asia” ini selaras dengan konsep impak tinggi di mana ramai pelajar mendapat pelbagai manfaat daripada program yang dilaksanakan selain melibatkan kos yang minimal daripada universiti.

Manfaat yang dimaksudkan di sini bukan sahaja merujuk kepada pelbagai pendedahan samada dalam bentuk peluang merancang, berbincang, melaksana, dan berkongsi pengalaman yang diperolehi JPK sepanjang menjalankan program tetapi juga kepada semua pelajar yang menghadiri pelbagai aktiviti di sepanjang program “Melati Takes on Asia” berlangsung.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM PENGANTARABANGSAAN

Lawatan akademik ke Osaka, Kyoto, Kobe dan Nara, Jepun yang lalu telah membuktikan bahawa JPK (pelajar) mampu untuk merancang dan menguruskan program melibatkan pelbagai pihak. Inisiatif penghasilan dokumentasi berbentuk travelog dan kertas penyelidikan akademik merupakan satu inovasi kepada lawatan akademik yang biasa dianjurkan oleh mana-mana universiti atau kolej kediaman yang biasanya menghasilkan laporan dan berita. Kerjasama yang terjalin di antara pelajar, staf pengurusan, staf residen kolej dan juga ahli akademik merupakan inisiatif yang patut dibanggakan kerana ia menunjukkan sikap profesionalisme dan keterbukaan dalam menghasilkan sesuatu hasilan akademik. Hal ini secara tidak langsung menyokong pelajar yang mendiami kolej kediaman dari sisi akademik agar masa yang diluangkan di kolej kediaman diisi dengan perkara-perkara yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya di sepanjang pengajian mereka di UiTM.

Penulis-penulis berpandangan bahawa, perlu untuk pelajar dibimbing bagi menyediakan hasilan akademik yang berkualiti melalui kaedah kerjasama menang-menang bersama ahli-ahli akademik agar potensinya dapat diserahkan dengan lebih lagi. Hal ini bukan perkara picisan yang perlu diberikan perhatian memandangkan mereka sentiasa bersedia menjadi modal insan yang berdaya saing seandainya dibimbing dan dipacu.

Program yang dijalankan dengan perancangan dan pengurusan yang rapi ini juga tidak terlepas daripada beberapa kekurangan yang boleh ditambahbaik di masa akan datang. Salah satu kekurangan yang ada ialah kelewatan permohonan mengadakan lawatan akademik ke universiti awam di Jepun. Disebabkan kelewatan permohonan tersebut, maka lawatan yang dijalankan tidak termasuk siri ceramah atau taklimat oleh pihak universiti yang difikirkan perlu sebagai sebahagian daripada lawatan akademik pelajar. Ia amat perlu kerana, kerjasama atau jaringan yang dibentuk dengan pihak universiti samada berbentuk akademik mahupun budaya adalah sebahagian daripada rentas kehidupan seseorang yang bergelar manusia yang berpelajaran atau bertamadun. Perkara ini selari dengan pandangan akademia berkaitan keperluan menjalankan lawatan ke universiti-universiti bertaraf antarabangsa sebagai sebuah Lawatan Sosialisasi Budaya.³⁴ Penulis-penulis berpandangan bahawa saat dan ketika menjalankan program pengantarabangsaan inilah pelajar berpeluang mengenali aspek akademia di negara orang yang boleh dijadikan sebagai suntikan motivasi kepada mereka untuk terus meneroka ilmu walau di mana mereka berada.

³⁴ Jaladin, R. A. M., & Amit, N. H. Halatuju Perkembangan Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman: Satu Perkongsian. m.s. 5.

PENUTUP

Program pengantarabangsaan yang berimpak tinggi perlu dilihat daripada sudut pembangunan pelajar itu sendiri. Bermula daripada perbincangan dan pengolahan idea melalui pelaksanaan, para pelajar seharusnya berjaya menambah sesuatu nilai dalam diri dan menjadikannya dirinya lebih baik samada daripada segi keilmuan mahupun tingkah laku. Tidak dapat dinafikan bahawa, potensi yang terpendam berjaya diserlahkan bukan sahaja semasa proses-proses perancangan itu berlangsung malahan setelah menyaksikan nilai-nilai positif masyarakat luar terutamanya masyarakat yang terkenal dengan sikap-sikap ketamadunan yang tinggi seperti masyarakat Jepun. Melalui kajian soal-selidik yang dijalankan juga, para pelajar bukan sahaja berpeluang memperkaya aspek keilmuan tetapi juga memperelok adab dan tingkah-laku melalui pemerhatian dan interaksi secara langsung dengan masyarakat di sana.

Disiplin yang tinggi masyarakat Jepun contohnya dapat dilihat bukan sahaja daripada para ahli korporat yang beruniform hitam dan putih melintasi jalan dengan langkah yang mantap dan cepat, tetapi juga dilihat daripada peranan pelayan restoren yang cekap melayani pelanggan dengan bahasa yang penuh sopan selain sistematik dalam memastikan para pelanggan dapat duduk dengan selesa di sesuatu tempat tanpa mengesampingkan pelanggan yang lain. Bukan itu sahaja, nilai etika yang tinggi juga terserlah dalam masyarakat Jepun apabila kanak-kanak kecil diberi kepercayaan untuk pergi dan balik menaiki kereta api dari sekolah sendirian tanpa ditemani orang dewasa.

Kesimpulannya, pengajaran yang diperolehi melalui kajian dan pemerhatian cara hidup dan budaya masyarakat luar di tempat mereka sendiri menjadikan para pelajar lebih cakna dengan maksud rukun negara kita yang ke-lima iaitu ‘kesopanan dan kesusilaan’. Kesederhan tentang keelokan akhlak masyarakat yang rata-ratanya bukan beragama Islam memberi kesan kepada kemahuan untuk merubah akhlak diri kepada yang lebih baik. Selain itu, mereka lebih menghayati maksud disiplin dalam diri mereka sehingga menjadikan bangsa mereka sendiri satu bangsa yang boleh diharapkan dan dibanggakan oleh generasi akan datang. Program pengantarabangsaan ini perlu diteruskan dengan beberapa penambahbaikan samada daripada aspek perancangan, pelaksanaan, kajian ilmiah dan juga bantuan kewangan.

RUJUKAN

- Jaladin, R. A. M., & Amit, N. H. Halatuju Perkembangan Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman: Satu Perkongsian.
- Azizan Baharuddin, 2003. Prestasi Akademik Mahasiswa Kini Memberangsangkan? Seminar Pembantu Mahasiswa sesi 2003/2004. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Auditorium Kompleks Perdana Siswa, 8 April 2003.
- Talib, K. A., Sulaiman, N., Isa, S. M., & Saad, S. (2013). Assessing the Look East Policy: Moving Beyond Work Culture and Ethic. *Asian Social Science*, 9(17), 111.
- Fairus Muhamad Darus, Norzalaihan Ahmad dan Syed Yusainee Syed Yahya. 2005. *Modul Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar di Universiti Teknologi MARA: Visi dan Realiti*. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Nasional (SPARK). Hotel Century Mahkota, Melaka. 27 – 30 November 2005.
- Khalid, M., Khir, M., Aqilah, N., Mazlan, N. N., Halid, M., Farhanah, N., & Jamal, N. (2017). Muslims in South Korea: The way of life. *Proceeding Of 2nd International Islamic Heritage*

- Conference (ISHEC 2017).* Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis), Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka. m.s. 943. 2nd International Islamic Heritage Conference 2017, 14 & 15 November 2017, Avillion Legacy Hotel Melaka, Malaysia.
- Za'aba, Zainal Abidin Ahmad. 2005. Perangai bergantung pada diri sendiri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1972. Islam dalam sejarah kebudayaan Melayu: suatu mukaddimah mengenai peranan Islam dalam peradaban sejarah Melayu-Indonesia dan kesannya dalam sejarah pemikiran, bahasa dan kesusasteraan Melayu. Penerbit. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cho, H. J., & Pucik, V. (2005). Relationship between innovativeness, quality, growth, profitability, and market value. *Strategic management journal*, 26(6), 555-575.
- Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar UiTM (Edisi Kedua: 20 Mei 2014): Aktiviti memungut derma/kutipan wang di luar kampus oleh pelajar/persatuan pertubuhan pelajar IPTA boleh dibuat seperti diperuntukan di bawah Seksyen 15A Akta Universiti dan Kolej universiti 1971 (pindaan 1996).
- Talib, K. A., Sulaiman, N., Isa, S. M., & Saad, S. (2013). Assessing the Look East Policy: Moving Beyond Work Culture and Ethic. *Asian Social Science*, 9(17), 111.